

B B773 AAB
MAHATHIR - PALESTIN

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA YANG MENJADI RAKAN ISRAEL SUPAYA MENGUTUK DAN MENGHENTIKAN BANTUAN DAN SOKONGAN MEREKA KEPADA REJIM ITU AGAR IA TIDAK TERUS BERTINDAK KEJAM TERHADAP RAKYAT PALESTIN DI WILAYAH-WILAYAH YANG DIRAMPASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA RAKAN ISRAEL HARUS SEDAR BAHAWA REJIM ITU BEGITU BERANI BERTINDAK GANAS TERHADAP PENDUDUK PALESTIN DAN MENUTUP TELINGA KEPADA KECAMAN DUNIA KERANA SOKONGAN DAN BANTUAN NEGARA-NEGARA ITU KEPADA ISRAEL.

+RAKAN-RAKAN ISRAEL HARUS SEDAR BAHAWA MEREKA BERSAHABAT DENGAN SEBUAH REJIM YANG GANAS TIDAK KURANG SEPERTI REJIM NAZI JERMAN DAN AFRIKA SELATAN,+ KATANYA SELEPAS MENERIMA PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA TABUNG RAKYAT PALESTIN DI PEJABATNYA DI SINI.

SEJUMLAH \$300,028.53 KUTIPAN BAGI TABUNG ITU DISERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI DARIPADA WAKIL-WAKIL KEMENTERIAN, ANGKATAN TENTERA, MURID-MURID SEKOLAH DAN DUA BUAH AKHBAR TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA REJIM ISRAEL MENERUSI TENTERANYA SEDANG BERTINDAK KEJAM TERHADAP RAKYAT PALESTIN UNTUK MEMATAHKAN SEMANGAT MEREKA DALAM MEMPERTAHANKAN HAK MEREKA DI WILAYAH-WILAYAH YANG DIRAMPAS OLEH REJIM ITU. - LAGI.

1749MST 13 04 88

MAHATHIR - PALESTIN 2 KUALA LUMPUR

RAKYAT PALESTIN TELAH DITEMBAK DAN DIPUKUL DENGAN KEJAM HINGGA MATI, DITANAM HIDUP-HIDUP DAN ARAHAN DIKELUARKAN KEPADA TENTERA SUPAYA MEMATAH-MATAHKAN TANGAN PENDUDUK PALESTIN YANG MENUJUK PERASAAN.

WALAU PUN DUNIA MENGECEM TINDAKAN GANAS ISRAEL ITU MEREKA TERUS BERTINDAK GANAS DAN BARU-BARU INI AKIBAT MENGGUNAKAN SENJATA API SEWENANG-WENANGNYA MEREKA MENEMBAK ANAK ISRAEL SENDIRI, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUDAH LEBIH 20 TAHUN RAKYAT PALESTIN HIDUP SEBAGAI PELARIAN DI KHEMAH-KHEMAH TETAPI NASIB MEREKA TIDAK SEDIKITPUN DIPEDULIKAN OLEH REJIM ISRAEL.

SESUNGGUHNYA MEREKA MERUPAKAN SUATU BANGSA YANG TIDAK TAHU INSAF BAHAWA PADA SUATU MASA DAHULU MEREKA MENERIMA NASIB YANG SAMA OLEH PIHAK NAZI, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP DERMA TABUNG RAKYAT PALESTIN AKAN DISAMPAIKAN KEPADA PENDUDUK DALAM WILAYAH YANG DIRAMPAS OLEH ISRAEL UNTUK MEMBELI MAKANAN DAN UBAT-UBATAN. - LAGI.

1756MST 13 04 88

B B779 AAB
MAHATHIR - PALESTIN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERHARAP TABUNG TERSEBUT AKAN TERUS MENERIMA SUMBANGAN DARIPADA ORANG RAMAI BAGI MEMBANTU MANGSA-MANGSA KEGANABAN REJIM ISRAEL.

SEMENTARA ITU, MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OMAR BERKATA SETAKAT INI SEJUMLAH \$456,345.24 TELAH DIKUTIP OLEH TABUNG TERSEBUT.

KATANYA DARIPADA JUMLAH ITU, AS \$30,000 (\$75,000) TELAH DISAMPAIKAN KEPADA WAKIL PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) DI SINI PADA BULAN MAC LEPAS.

BELIAU YANG JUGA PENGERUSI JAWATANKUSA PENASIHAT TABUNG BERKENAAN MENAMBAH KATA, AS \$40,000 (\$100,000) LAGI TELAH DISAMPAIKAN KEPADA WAKIL PLO OLEH BELIAU SEMASA MENGHADIRI SIDANG MENTERI-MENTERI LUAR PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) BARU-BARU INI. - BERNAMA.

1759MST 13 04 88